

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**Peperiksaan Semester II  
Sidang Akademik 1997/98**

**Februari 1998**

**PGT 422 - Motivasi dan Pembelajaran**

**(Masa : 3 Jam)**

---

**ARAHAN :** Jawab soalan 1 dan mana-mana dua soalan yang lain.

**SOALAN 1:**

- a) Huraikan maksud istilah ‘motivasi’ secara am dan kesannya kepada perlakuan seseorang.
- b) Dengan merujuk kepada konsep motivasi tertentu; i) ulaskan maksud ‘motivasi’ secara khusus yang diliputi oleh konsep tersebut, dan ii) huraikan teori yang mengasaskan konsep motivasi tersebut.
- c) Huraikan dua kegiatan latihan yang bertujuan untuk menyuburkan motivasi seseorang.

**(50 markah)**

**SOALAN 2:**

Seseorang guru boleh menggunakan pengukuhan untuk membangkitkan motivasi pelajar. Huraikan maksud istilah ‘pengukuhan’. Tunjukkan unsur-unsur yang mudah dikenalpasti untuk menjadi pengukuhan semasa guru sedang mengajar. Bagaimanakah anda hendak menggunakan dua daripadanya semasa mengajar?

**(25 markah)**

**...2/-**

**SOALAN 3:**

Andaikan anda mengajar sekumpulan murid yang rendah motivasi kerana mengalami kerendahan harga-kendiri. Huraikan maksud istilah ‘harga-kendiri’. Tunjukkan ciri-ciri yang membentuk harga-kendiri. Buat huraian ringkas satu siri latihan untuk meningkatkan harga-kendiri.

(25 markah)

**SOALAN 4:**

Andaikan anda mengajar sekumpulan murid yang rendah motivasi kerana kurang bermotivasi pencapaian. Huraikan maksud istilah ‘motivasi pencapaian’. Tunjukkan unsur-unsur yang membentuk motivasi pencapaian. Buat huraian ringkas satu siri latihan untuk meningkatkan motivasi pencapaian.

(25 markah)

**SOALAN 5:**

Apakah yang dimaksudkan dengan ‘tekanan’ dan ‘keimbangan’? Huraikan bagaimanakah tekanan dan keimbangan boleh memotivasi seseorang untuk berusaha kuat. Buat huraian ringkas satu siri latihan samada untuk mengurangkan tekanan atau keimbangan.

(25 markah)

- 0000000 -